

24 FEB 1997

Mahathir-Teguran

KERAJAAN SEDIA TERIMA TEGURAN, KATA PM

SEREMBAN, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia menerima sebarang teguran daripada rakyat walaupun ia kadangkala menerima kritikan terhadap beberapa tindakan yang dibuatnya.

Beliau berkata adakalanya kerajaan dikritik kerana tidak berjaya menyelesaikan masalah tetapi beliau memberikan pengakuan bahawa ia (kerajaan) akan cuba menyelesaikan semua masalah yang timbul.

"Tetapi kadang-kadang susah hendak menyelesaikan semuanya kerana kini masalah terlalu banyak seperti sosial, lalulintas dan perjalanan di jalan raya serta pelbagai masalah lain yang dihadapi," katanya pada majlis makan malam amal Pusat Haemodialisis Mawar di Padang NS di sini malam ini.

Kira-kira 20,000 orang termasuk Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hadir.

Perdana Menteri berkata, ada pihak-pihak yang menasihati kerajaan agar berbuat sesuatu tetapi setelah dibuat mereka menegur bahawa kononnya tindakan yang diambil itu tidak betul.

"Umpamanya di Kuala Lumpur, terlalu banyak kesesakan lalulintas dan terdapat bas mini yang tidak menghiraukan peraturan lalulintas, lalu mereka mengecam bas mini.

"Kitapun ambil tindakan untuk memberhentikan perkhidmatan bas mini bagi digantikan dengan bas yang lebih besar. Dengan serta merta mereka mengecam kerajaan kerana bas yang lebih besar ini menimbulkan masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan mengadakan lorong khas bas dan teksi juga dikritik kerana kononnya ia menimbulkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya.

"Kita tidak boleh membuat sesuatu yang boleh memuaskan (hati) semua orang.

"Tetapi sebagai kerajaan, kita terima teguran...tolonglah nasihat kita supaya boleh dibetulkan lagi untuk kesejahteraan rakyat dan kita amat menghargai sokongan daripada rakyat," katanya.

Katanya, sokongan rakyat menentukan kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang dapat membangunkan Malaysia sehingga ia menjadi sebuah negara maju dan membolehkan Wawasan 2020 dicapai lebih awal.

Beliau berkata dengan sokongan rakyat, Wawasan 2020 itu boleh dicapai dan mereka akan lebih maju daripada apa yang dicapai sekarang serta hidup rukun damai.

Dr Mahathir juga berharap rakyat Malaysia pada waktu itu tidak lagi merasa rendah diri dengan orang lain dan mereka juga turut dihormati oleh orang lain.

Majlis makan malam yang dianggap terbesar pernah diadakan di negara ini berjaya memungut lebih RM10 juta hasil sumbangan syarikat-syarikat besar serta orang perseorangan yang disampaikan kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir sebelum itu merasmikan pusat haemodialisis berharga RM6 juta yang terletak di kawasan seluas 0.6 hektar di Jalan Rasah.

-- BERNAMA

RAB AKD